

31 OCT 2003

Mahathir-Pancaragam (Bergambar)

PANCARAGAM BUAT PERSEMBAHAN IRINGI PEMERGIAN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 31 Okt (Bernama) -- Pancaragam Sekolah Victoria Institution (VI) membuat persembahan istimewa lagu-lagu bagi mengiringi pemergian Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pintu keluar dan masuk kakitangan Kompleks Pejabat Perdana Menteri (PPM) di sini.

Dr Mahathir meninggalkan Kompleks PPM setelah menghadiri majlis serah tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seramai 18 anggota pancaragam "brass" itu membuat persembahan beberapa buah lagu sambil guru-guru sekolah VI pula memegang kain rentang yang tertulis "A Tribute to Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: A Great Leader, Scholar, Sportsman, Gentleman."

Kira-kira 100 orang awam turut menanti lebih sejam di pintu itu sebelum dapat melihat kereta Proton Perdana dengan nombor pendaftaran Proton 2020 membawa Dr Mahathir dan isteri keluar dari kompleks berkenaan pada jam 5.30 petang.

Seorang guru dari VI, Syed Zakaria Syed Hassan yang ditemui berkata beberapa lagu dimainkan ditujukan khas kepada Dr Mahathir sebagai memperingati sumbangan dan jasa beliau kepada negara khususnya dalam bidang pendidikan serta kepada sekolah itu.

Antara lagu yang dimainkan termasuk "Masih Aku Terasa", "Highland Cathedral", "Can't Take My Eyes Of You", "Tequilla", "Ku Bahagia" dan "World Over Beethoven", yang diminati pemimpin berkenaan, kata Syed Zakaria.

Katanya ucapan Dr Mahathir memberi kesan mendalam kepada guru-guru dan pelajar VI kerana ia menaikkan semangat mengatasi cabaran sebelum berjaya melalui kata-kata bersemangat "Malaysia Boleh" dan "VI Boleh".

Beliau menegaskan Dr Mahathir instrumental kepada VI kerana secara peribadi menyokong kumpulan pancaragam sekolah berkenaan semasa menyertai Pertandingan Persembahan Pancaragam Kawad Sedunia di Monza Itali, Julai lepas sehinggalah VI muncul juara bagi kategori persembahan kawad.

Pelajar, Mohd Hezrul Hizham, 19, menyifatkan Dr Mahathir sebagai sumber insprasinya apabila memikirkan bagaimana untuk mencapai sesuatu impian agar berjaya dalam hidup.

Beliau berkata sumbangan Dr Mahathir sepanjang memikul tugas sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun adalah terlalu besar untuk dinilai.

-- BERNAMA

RIZ ROS